

TERMA DAN SYARAT

CelcomDigi x BORNEO RISING 2026

Kemas Kini Terakhir: 28 Ogos 2026

Terma dan Syarat ini mengawal penyertaan pengguna dalam kempen undian "CelcomDigi x BORNEO RISING 2026" ("Kempen"). Dengan menyertai kempen, menggunakan saluran WhatsApp rasmi BORNEO RISING 2026, membuat undian atau menuntut kredit undian, anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta Dasar Privasi yang berkaitan.

1. Mengenai Kempen

Program BORNEO RISING 2026 dengan kerjasama CelcomDigi. Pengguna boleh mengundi persembahan atau artis pilihan mereka sepanjang tempoh undian yang ditetapkan bagi setiap episod.

Kempen ini melibatkan sebanyak 8 episod, dengan tempoh undian yang berasingan bagi setiap episod.

2. Kelayakan Penyertaan

Kempen ini terbuka kepada pengguna yang mengakses saluran undian rasmi BORNEO RISING 2026 melalui WhatsApp.

Pengguna bukan CelcomDigi masih boleh menyertai undian menggunakan kredit undian percuma yang disediakan, tertakluk kepada mekanisme kempen.

Kredit undian tambahan melalui tambah nilai CelcomDigi hanya tersedia kepada pelanggan prabayar CelcomDigi yang layak.

Pengguna bertanggungjawab memastikan nombor telefon dan maklumat yang digunakan adalah sah dan boleh digunakan bagi tujuan penyertaan kempen.

3. Tempoh Undian

Tempoh undian bagi setiap episod adalah seperti berikut:

Episod	Undian Dibuka	Undian Ditutup
Episod 1	01 September 2026, 12.00 tengah malam	06 September 2026, 10.30 malam
Episod 2	07 September 2026, 12.00 tengah malam	13 September 2026, 10.30 malam
Episod 3	14 September 2026, 12.00 tengah malam	20 September 2026, 10.30 malam
Episod 4	21 September 2026, 12.00 tengah malam	27 September 2026, 10.30 malam
Episod 5	28 September 2026, 12.00 tengah malam	04 Oktober 2026, 10.30 malam
Episod 6	05 Oktober 2026, 12.00 tengah malam	11 Oktober 2026, 10.30 malam
Episod 7	12 Oktober 2026, 12.00 tengah malam	18 Oktober 2026, 10.30 malam
Episod 8	19 Oktober 2026, 12.00 tengah malam	25 Oktober 2026, 10.30 malam

Semua kredit undian yang berkaitan dengan sesuatu episod hendaklah digunakan sebelum undian bagi setiap episod akan ditutup selepas hos mengumumkan bahawa tempoh undian telah tamat, sekitar jam 10.30 malam pada hari Ahad. Waktu penutupan sebenar adalah tertakluk kepada pengumuman rasmi hos semasa siaran berlangsung. Selepas tempoh undian ditutup, sebarang undian bagi episod tersebut tidak lagi akan diterima.

4. Cara Mengundi

1. Imbas kod QR atau klik pautan rasmi undian BORNEO RISING.
2. Mulakan sesi undian melalui WhatsApp.
3. Ikuti arahan yang diberikan melalui chatbot.
4. Pilih persembahan atau artis pilihan anda.
5. Gunakan kredit undian yang tersedia.
6. Sahkan undian anda.

Undian hanya dianggap berjaya selepas proses undian diselesaikan dan disahkan melalui sistem.

5. Kredit Undian Percuma Harian

Sepanjang tempoh undian episod yang aktif, setiap pengguna akan menerima 1 kredit undian percuma setiap hari.

- Hanya sah pada hari ia diberikan.
- Perlu digunakan sebelum 11.59 malam pada hari yang sama.
- Tidak boleh dikumpulkan.
- Tidak boleh dibawa ke hari berikutnya.
- Tidak boleh dipindahkan kepada pengguna lain.

Pada hari Ahad yang merupakan hari terakhir undian bagi sesuatu episod, kredit undian percuma akan tamat selepas hos mengumumkan bahawa tempoh undian telah tamat, sekitar jam 10.30 malam pada hari Ahad. Sekiranya kredit undian percuma tidak digunakan sebelum tamat tempoh, kredit tersebut akan luput secara automatik.

6. Kredit Undian Tambahan CelcomDigi

Pelanggan prabayar CelcomDigi yang layak boleh memperoleh kredit undian tambahan melalui transaksi tambah nilai yang layak menggunakan aplikasi CelcomDigi.

- Tambah nilai RM10 = 50 kredit undian tambahan
- Tambah nilai RM30 = 200 kredit undian tambahan
- Tambah nilai RM50 = 400 kredit undian tambahan

Tiada had bagi jumlah transaksi tambah nilai atau kredit undian tambahan yang boleh diperoleh. Pengguna boleh membuat tambah nilai CelcomDigi yang layak berkali-kali sepanjang tempoh undian aktif dan menerima kredit undian tambahan mengikut kadar yang ditetapkan bagi setiap transaksi yang berjaya. Kredit boleh digunakan untuk mengundi selagi masih berbaki dan tempoh undian episod masih dibuka, tertakluk kepada proses UNDI SEKARANG dan mekanisme kempen yang ditetapkan.

7. Cara Menuntut Kredit Tambahan

1. Buka aplikasi CelcomDigi.
2. Pergi ke bahagian Notifikasi.
3. Cari notifikasi berkaitan BORNEO RISING
4. Tekan butang UNDI SEKARANG.
5. Selesaikan proses tuntutan mengikut arahan yang diberikan.

Penting: Membuat tambah nilai sahaja tidak bermaksud kredit undian telah diberikan secara automatik. Pengguna perlu menekan butang UNDI SEKARANG dalam tempoh undian episod yang berkenaan bagi mendapatkan kredit undian tambahan.

8. Tempoh Sah Kredit Undian Tambahan

Kredit undian tambahan perlu dituntut dan digunakan dalam minggu atau episod undian yang sama. Semua kredit undian tambahan bagi sesuatu episod akan tamat apabila tempoh undian episod tersebut ditutup sekitar jam 10.30 malam hari Ahad.

- Tidak dituntut;
- Telah dituntut tetapi tidak digunakan; atau
- Masih berbaki selepas tempoh undian ditutup

akan tamat dan tidak boleh dibawa ke episod berikutnya. Tiada penggantian kredit akan diberikan bagi kredit yang telah tamat tempoh akibat kegagalan pengguna menuntut atau menggunakannya dalam tempoh yang ditetapkan.

9. Transaksi Tambah Nilai

Pengguna bertanggungjawab memastikan transaksi tambah nilai dilakukan menggunakan nombor CelcomDigi yang betul dan akaun CelcomDigi yang berkaitan.

Sekiranya pengguna membuat tambah nilai selepas tempoh undian episod ditutup, transaksi tambah nilai tersebut masih tertakluk kepada terma perkhidmatan CelcomDigi, tetapi sebarang kredit undian berkaitan hanya boleh digunakan mengikut tempoh kempen dan tempoh undian yang ditetapkan. Pengguna boleh membuat tambah nilai CelcomDigi yang layak lebih daripada sekali sepanjang tempoh undian aktif. Tiada had bilangan transaksi tambah nilai, dan setiap transaksi tambah nilai yang layak akan melayakkan pengguna menerima kredit undian tambahan mengikut kadar yang ditetapkan, tertakluk kepada proses UNDI SEKARANG dan tempoh sah kredit bagi episod berkenaan.

10. Masalah Notifikasi atau Tuntutan Kredit

Sekiranya pengguna telah membuat tambah nilai tetapi tidak menerima notifikasi, pengguna disarankan untuk memastikan bahawa:

- Transaksi tambah nilai telah berjaya.
- Aplikasi CelcomDigi adalah versi terkini.
- Pengguna telah log masuk menggunakan nombor CelcomDigi yang membuat tambah nilai.
- Bahagian Notifikasi telah diperiksa.
- Aplikasi telah ditutup dan dibuka semula jika perlu.

Jika masalah masih berlaku, pengguna hendaklah menghubungi Khidmat Pelanggan CelcomDigi untuk semakan lanjut.

11. Kredit Tidak Diterima Selepas Tuntutan

Jika pengguna telah menekan butang UNDI SEKARANG tetapi kredit masih belum diterima, pengguna hendaklah memastikan tuntutan telah berjaya dan tempoh undian episod masih aktif.

Bagi tujuan semakan, pengguna mungkin perlu menyediakan:

- Nombor telefon CelcomDigi.
- Tarikh dan masa tambah nilai.
- Jumlah tambah nilai.
- Tangkap layar transaksi tambah nilai.
- Tangkap layar notifikasi atau tuntutan, jika ada.

Sekiranya kredit masih tidak diterima, pengguna hendaklah menghubungi Khidmat Pelanggan CelcomDigi untuk semakan lanjut.

12. Ketepatan Undian

Pengguna bertanggungjawab menyemak pilihan persembahan atau artis sebelum mengesahkan undian. Selepas undian berjaya dihantar dan direkodkan oleh sistem, undian tersebut dianggap muktamad.

Sebarang kredit yang telah digunakan bagi undian yang berjaya tidak boleh dikembalikan semata-mata kerana pengguna tersalah membuat pilihan.

13. Penyalahgunaan Sistem

Pengguna tidak dibenarkan:

- Cuba mengubah suai, memintas atau memanipulasi sistem undian.
- Menggunakan kaedah automatik, bot, skrip atau teknologi lain yang tidak dibenarkan untuk menghasilkan undian.
- Cuba mendapatkan kredit undian melalui kaedah yang tidak sah.
- Melakukan penipuan atau memberikan maklumat palsu bagi tujuan mendapatkan kredit.
- Melakukan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan integriti kempen atau sistem undian.

Sekiranya terdapat aktiviti yang disyaki tidak sah, mencurigakan atau melanggar Terma dan Syarat ini, pihak yang mengendalikan kempen berhak menjalankan semakan dan mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk menolak atau membatalkan undian yang terjejas.

14. Gangguan Teknikal

Walaupun usaha munasabah akan dilakukan bagi memastikan sistem undian beroperasi dengan baik, akses kepada kempen mungkin terjejas akibat:

- Gangguan Internet.
- Masalah rangkaian telekomunikasi.
- Gangguan WhatsApp.
- Gangguan aplikasi CelcomDigi.
- Penyelenggaraan sistem.
- Masalah peranti pengguna.
- Kelewatan sistem atau notifikasi.
- Perkara lain di luar kawalan munasabah pihak yang mengendalikan kempen.

Pengguna digalakkan membuat tuntutan dan menggunakan kredit undian lebih awal dan tidak menunggu sehingga hampir waktu tamat undian.

15. Data Peribadi dan Privasi

Dengan menyertai kempen, pengguna mengakui bahawa maklumat tertentu mungkin dikumpulkan dan diproses bagi tujuan pengendalian kempen dan penyediaan perkhidmatan berkaitan.

Maklumat yang mungkin dikumpulkan termasuk:

- Nama.
- Alamat e-mel.
- Nombor telefon.
- Alamat IP.
- Maklumat peranti dan pelayar.
- Aktiviti penggunaan sistem.
- Mesej atau maklumat yang dihantar melalui chatbot.

Maklumat tersebut boleh digunakan untuk:

- Menyediakan perkhidmatan chatbot dan undian.
- Mengurus dan mengesahkan penyertaan pengguna.
- Menghubungi pengguna jika diperlukan.
- Menganalisis corak penggunaan.
- Menyelesaikan isu teknikal.
- Memastikan keselamatan serta integriti sistem.

Data peribadi pengguna tidak akan dijual kepada pihak ketiga. Walau bagaimanapun, data tertentu mungkin dikongsi dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang diperlukan bagi tujuan operasi, termasuk perkhidmatan seperti WhatsApp API, OpenAI atau penyedia perkhidmatan awan.

Maklumat pengguna juga mungkin disimpan pada pelayan yang berada di luar Malaysia, tertakluk kepada langkah keselamatan yang berkaitan.

16. Hak Pengguna Terhadap Data Peribadi

Pengguna boleh membuat permintaan untuk:

- Mengakses data peribadi.
- Mengemas kini data.
- Membetulkan data.
- Memadam data.
- Menarik balik kebenaran untuk pemprosesan data.

Permintaan adalah tertakluk kepada keperluan operasi dan undang-undang yang berkenaan.

Pasukan Sokongan Padu.ai

E-mel: support@padu.ai

Laman web: <https://padu.ai>

17. Pautan dan Perkhidmatan Pihak Ketiga

Kempen mungkin menggunakan atau menyediakan pautan kepada platform dan perkhidmatan pihak ketiga termasuk WhatsApp, aplikasi CelcomDigi, Google Play Store dan Apple App Store.

Penggunaan platform atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut mungkin tertakluk kepada terma, syarat dan dasar privasi masing-masing. Pihak yang mengendalikan kempen tidak bertanggungjawab terhadap dasar privasi atau amalan perkhidmatan pihak ketiga yang berada di luar kawalannya.

18. Perubahan kepada Kempen

Sekiranya perlu atas sebab operasi, teknikal, keselamatan atau keadaan di luar kawalan munasabah, pihak yang mengendalikan kempen berhak mengemas kini mekanisme kempen, jadual, Terma dan Syarat atau maklumat berkaitan.

Sebarang perubahan penting akan dimaklumkan melalui saluran yang bersesuaian apabila perlu. Versi terkini Terma dan Syarat akan menggantikan versi terdahulu mulai tarikh kemas kini yang dinyatakan.

19. Penerimaan Terma dan Syarat

Dengan meneruskan penyertaan dalam kempen, pengguna mengesahkan bahawa pengguna:

- Telah membaca dan memahami Terma dan Syarat ini.
- Bersetuju untuk mematuhi mekanisme kempen.
- Memahami tempoh sah setiap jenis kredit undian.
- Bersetuju dengan pemprosesan data peribadi mengikut Dasar Privasi yang berkaitan.

Sekiranya pengguna tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, pengguna hendaklah berhenti menggunakan sistem undian dan tidak meneruskan penyertaan dalam kempen.

20. Perkara Penting untuk Diingati

Kredit Percuma Harian: 1 kredit sehari. Gunakan sebelum 11.59 malam pada hari yang sama.

Hari Ahad: Semua undian bagi episod tersebut ditutup selepas hos mengumumkan bahawa tempoh undian telah tamat, sekitar jam 10.30 malam pada hari Ahad

Kredit Tambahan CelcomDigi: Tambah nilai -> Semak Notifikasi -> Tekan UNDI SEKARANG -> Gunakan kredit sebelum tempoh undian tamat.

Kredit Tidak Digunakan: Semua kredit yang telah tamat tempoh tidak boleh dibawa ke hari, minggu atau episod berikutnya.